

08 DISEMBER 2017

## Jumpa pistol & gari pula.....

**HARIAN METRO**

Hadzlihadhy Hassan  
hadzlihay@hmetro.com.my

# Jumpa pistol & gari pula...

■ Polis tahan suami isteri temui dadah RM11,500 dalam serbuan ke atas rumah teres

**Georgetown**

**C**ari dadah jumpa pistol dan gari. Itu yang berlaku selepas polis yang menerima maklumat mengenai pengedaran dadah menemui empat pistol dalam serbuan di Taman Idaman, Simpang Ampat, Seberang Perai Selatan, kelmarin.

Dalam serbuan jam 3 pagi, polis turut merampas tiga paket heroin seberat 573.9 gram serta dua paket plastik berisi ketamin seberat 26.7 gram yang semuanya bernilai RM11,500.

Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik Bukit Aman Datuk Seri Mohamad Salleh berkata, ketika serbuan dilakukan di rumah teres dua tingkat itu, pihaknya menahan suami isteri berusia 33 tahun dan seorang wanita berusia 59 tahun bagi membantu siasatan.

Beliau berkata, polis merampas empat pistol jenis Barreta, Colt MFG, Compact Cz 75D dan Cz 2075 serta 151 peluru hidup dan tiga gari bersama kunci.

"Kita masih menjalan-

kan siasatan untuk mengenalpasti bagaimana suspek memperoleh senjata api terabit dan apa yang diselakukannya dengan pistol berkenaan.



**MOHMAD Salleh (tiga dari kanan) menunjukkan pistol dan dadah yang dirampas dalam serbuan di Taman Idaman, kelmarin.**

"Kita tidak menolak kemungkinan suspek menyamar anggota polis atau agensi penguatkuasaan lain berdasarkan penemuan pistol dan gari itu," katanya pada sidang media di Ibu Pejabat Polis Kontinjen Pulau Pinang, semalam.

Mohamad berkata, hasil semakan rekod mendapati suspek lelaki mempunyai rekod jenayah lampau berhubung kes dadah dan jenayah.

"Selain pistol dan dadah, kita turut menyita sebuah Perodua Myvi, motosikal Honda serta seutas jam tangan yang semuanya dianggarkan bernilai RM34,700 dan wang tunai RM1,700," katanya.